

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 15 TAHUN 1977

Pembayaran elaun memangku/elaun tanggungan kerja berikutan dengan pelaksanaan perubahan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam dan Perkhidmatan Pelajaran

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan perubahan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia dan Perkhidmatan Pelajaran Malaysia seperti yang dibekalkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1977](#).

2. Mengikut perenggan 11.10(1), [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#) dan perenggan 12.11(a), [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1977](#), pembayaran elaun-elaun menurut kadar-kadar yang baru dan pemberhentian pembayaran elaun-elaun yang dimansuhkan oleh Pekeliling itu akan hanya berkuatkuasa mulai daripada 1.7.1977.
3. Jabatan ini telah menerima banyak pertanyaan samada elaun memangku dan elaun tanggungan kerja boleh diselaraskan mengikut tanggagaji bersih baharu mulai daripada 1.1.1976. Dengan ini adalah diberitahu bahawa elaun memangku dan elaun tanggungan kerja hanyalah boleh diselaraskan mengikut tanggagaji bersih baharu mulai 1.7.1977 sahaja.

Saya yang menurut perintah,

(IBRAHIM BIN ABDUL MALEK)
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam
Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara,

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian;

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan;

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Ketua Setiausaha Negara,

Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Datuk Onn,
Kuala Lumpur.

" Ketua Setiausaha,
Perbendaharaan Malaysia,
Kuala Lumpur.

" Ketua Setiausaha,
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan,
Jalan Young,
Kuala Lumpur.

" Juru Audit Negara,
Jabatan Audit Malaysia,
Kuala Lumpur.